

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan dalam memelihara panda yang dibawa masuk dari China dalam melambangkan keakraban. Jelaskan juga apakah rancangan Kerajaan selepas tamat tempoh pemeliharaan tersebut di Malaysia.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di- Pertua,

Perbelanjaan keseluruhan pelaksanaan Perjanjian Kerjasama Antarabangsa Konservasi Giant Panda di Zoo Negara untuk tahun 2014 - 2016 adalah berjumlah RM30,214,186.00. Jumlah ini adalah gabungan peruntukan daripada Kerajaan Malaysia berjumlah RM25,449,044.00 dan Zoo Negara Malaysia yang berjumlah RM4,765,142.00.

Perjanjian Kerjasama Antarabangsa Konservasi Giant Panda telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan China Wildlife Conservation Association (CWCA) adalah ditandatangani untuk tempoh 10 tahun dan akan tamat pada 20 Mei 2024. Keputusan untuk melanjutkan atau menghantar pasangan Giant Panda pulang ke China akan diputuskan kelak oleh Kabinet.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2016  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa tindakan tegas belum diambil terhadap Pemaju Conci One yang enggan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar untuk menyelesaikan projek perumahan Taman Kledang, Sg. Siput (U).

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Taman Kledang, Sungai Siput (U), Kuala Kangsar telah mendapat *Certificate Of Completion And Compliance* (CCC) yang dikeluarkan oleh perunding Arkitek projek berkenaan pada 20 November 2013. Namun begitu, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) tidak memperakui CFO/CCC yang dikeluarkan kerana didapati perakuan borang G17 (Jalan & Parit) tidak diperakukan oleh pihak MPKK.

Beberapa siri mesyuarat telah diadakan di antara MPKK dan pemaju Conci One di mana Conci One telah diarahkan untuk memenuhi kesemua keperluan untuk pengeluaran CCC. Namun demikian, sehingga kini masih tiada sebarang tindakan daripada pihak pemaju. Pemaju Conci One telah mengaku salah dan pihak mereka tidak mampu membuat sebarang tindakan pembaikan bagi memenuhi syarat-syarat perakuan CCC.

Ekoran itu, KPKT telah menyenarai hitam pemaju Conci One dan projek ini telah disyorkan untuk diisytiharkan sebagai projek terbengkalai. Sekiranya projek ini diisytiharkan terbengkalai, Kementerian dengan kerjasama MPKK serta Kerajaan Negeri akan mengkaji mekanisma yang sesuai untuk memulihkan projek ini sehingga CCC diperolehi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016